

Hentikan main isu perkauman

SHAH ALAM – Ahli politik disaran berhenti memainkan isu perkauman yang langsung tidak membantu pengukuhan hubungan etnik di negara ini.

Felo Utama Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datuk Dr Teo Kok Seong berkata, sebaliknya tindakan mereka itu dilihat hanya untuk menjaga kepentingan politik sendiri.

“Tidak dapat dinafikan sebilangan ahli politik telah menanggung di air keruh dengan keadaan hubungan etnik kebelakangan ini tidak begitu baik.

“Malah, ada pemimpin yang mengaitkan agama dengan fahaman rasisme. Ini jelas memperlihatkan memang ada dalam kalangan ahli politik gunakan kesempatan ini untuk diri sendiri,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, beliau berkata, isu perkauman menjadi pilihan segelintir ahli politik kerana lebih mudah untuk menarik sokongan masyarakat.

Katanya, apatah lagi dengan ciri negara ini yang memiliki masyarakat majmuk dan hubungan tiga etnik terbesar iaitu Melayu, Cina dan India tidak berada pada tahap kukuh.



KOK SEONG

“Jadi ahli politik melihat hubungan etnik ini sebagai satu ruang untuk mereka mempolitikkan isu-isu tertentu. Nampaknya mereka berjaya memainkan api perkauman dan isu ini cepat menarik perhatian kelompok tertentu.

“Isu yang kecil diperbesar-besarkan dan terus dapat perhatian orang ramai kerana kemarahan dan kebencian itu sememangnya sudah ada. Mereka sebenarnya ‘batu api’ tetapi dipandang seolah-olah pejuang dan pelindung bangsa,” katanya.

Menurut Kok Seong, sekiranya tindakan itu dibiarkan berterusan, akan mencalarakan imej negara yang selama ini terkenal dengan kemajmukan kaumnya.

“Sudah tentu beri kesan negatif kepada negara kerana sekarang pun reputasi negara tidak baik dengan beberapa isu. Jadi buat apa nak tambah lagi dengan perkara yang tak sepatutnya.

“Ini tidak baik untuk ekonomi negara kerana membuatkan pelabur rasa was-was dengan negara yang politiknya tidak stabil,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan agar ahli politik bersikap lebih matang dan perlu memiliki jiwa seorang negarawan.

“Memang tahap negarawan sukar dicapai tetapi sekurang-kurangnya mereka kena ada sifat mengutamakan negara. Itu peranan ahli politik kerana mereka yang memilih kerjaya ini untuk berbakti pada negara,” katanya.

Katanya, pemimpin politik sewajarnya menjadikan peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 sebagai pengajaran agar ia tidak berulang.

“Mereka juga perlu sentiasa ingat supaya jangan ‘menang bersorak negara tergedai’ Kejadian 13 Mei 1969 mungkin sudah berlaku puluhan tahun lalu, tetapi ia tetap menjadi titik hitam negara,” katanya.